PUSAT PEMBANGUNAN AKADEMIK

KRITERIA DAN SYARAT UMUM
ANUGERAH AKADEMIK CEMERLANG (AAC) 2018
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

1.0 SYARAT UMUM

1.1 Permohonan/pencalonan AAC dibuka hanya kepada ahli akademik UPNM.

1.2 Permohonan bagi kategori AAC terbuka kepada ahli akademik yang berkhidmat sepenuh masa atau berjawatan hakiki di UPNM sepanjang tahun atau sekurang-kurangnya enam bulan perkhidmatan daripada tahun yang dinilai.

1.3 Calon hendaklah memenuhi kriteria asas berikut:

i. Merupakan pegawai akademik yang berkhidmat di UPNM.

ii. Mencapai skor minimum 4.3 mata dalam Penilaian Pengajaran bagi mana-mana semester dalam tahun yang dinilai.

iii. Memperoleh markah sekurang-kurangnya 85% dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dalam tahun yang dinilai.

1.4 Sekiranya tiada pemohon yang layak bagi sesuatu kategori, maka anugerah bagi kategori tersebut tidak akan diberikan.

1.5 Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu, Jawatankuasa Induk AAC berhak menarik balik anugerah yang telah diberikan.

1.6 Keputusan Jawatankuasa Induk AAC adalah muktamad.

2.0 PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN

2.1 Permohonan/pencalonan hendaklah menggunakan borang permohonan rasmi dan setiap permohonan/pencalonan perlu menggunakan borang berasingan.

2.2 Permohonan/pencalonan hendaklah diperakukan oleh Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian.

2.3 Bagi permohonan/pencalonan daripada Dekan/Pengarah Pusat Pengajian perakuan perlu diperoleh daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

2.4 Calon boleh dicadangkan/dinamakan oleh Fakulti/Pusat Pengajian dan permohonan mestilah disalurkan melalui Dekan/Pengarah Pusat Pengajian.

2.5 Permohonan yang tidak melalui Dekan/Pengarah Pusat Pengajian tidak akan dipertimbangkan.

2.6 Pencalonan Tokoh Akademik UPNM akan disyorkan oleh Jawatankuasa Induk AAC.

2.7 Semua borang permohonan/pencalonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sahih dan lengkap.

2.8 Ahli Jawatankuasa Penilai Anugerah boleh memohon dalam kategori yang lain daripada kategori keahliannya.

2.9 Ahli Jawatankuasa Induk boleh memohon tetapi perlu menarik diri sebagai Ahli Jawatankuasa.

2.10 Tarikh tutup permohonan/pencalonan adalah pada **12 APRIL 2019.** Semua permohonan perlu sampai sebelum atau pada jam 5.00 petang pada tarikh tutup. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.

2.11 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia AAC seperti berikut:

Urus Setia Anugerah Akademik Cemerlang (AAC)
Pusat Pembangunan Akademik
Aras 2, Bangunan Canselori
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Perdana Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur
Tel.: 03-9051/3400 sambungan 762/1015, 762/1043

3.0 SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

3.1 ANUGERAH TOKOH AKADEMIK UNIVERSITI

i. Anugerah Tokoh Akademik Universiti adalah satu pengiktirafan kepada staf akademik UPNM yang telah menunjukkan ketokohan akademik. Ketokohan akademik mengambil kira semua sumbangan kumulatif anugerah dan pengiktirafan yang diterima sepanjang hayat.

ii. Anugerah ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Induk tertakluk kepada persetujuan Pengurusan Universiti.

iii. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:

a. Menerajui secara holistik bidang pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

b. Berkhidmat sebagai staf akademik di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sekurang-kurangnya enam tahun secara kumulatif dalam kerjaya akademik.

c. Pernah menerima anugerah atau pengiktirafan ketokohan daripada badan profesional/ilmiah yang berprestij di peringkat kebangsaan/antarabangsa.

d. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

e. Menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui.

3.2 ANUGERAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

i. Anugerah Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) adalah satu pengiktirafan dan sanjungan kepada staf akademik UPNM. Pengajaran yang cemerlang dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

ii. Pemilihan calon bagi anugerah ini adalah berdasarkan inovasi dan kreativiti pengajaran.

iii. Staf akademik yang ingin memohon anugerah ini perlu mempunyai Fail Pengajaran yang lengkap bagi kursus yang diajar pada tahun yang dinilai.

iv. Staf akademik yang telah memenangi tiga kali anugerah tidak boleh dicalonkan.

v. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:

   a) Menyediakan Fail Pengajaran yang lengkap.
   b) Menunjukkan inovasi dan kreativiti dalam kaedah P&P.
   c) Mempamerkan keberkesanan pengajaran terhadap meningkatkan kualiti pengajaran.
   d) Menunjukkan usaha penambahbaikan dalam P&P secara berterusan.

vi. Calon yang disenarai pendek akan dinilai semasa sesi pengajaran sebenar.

vii. Mencapai skor minimum 4.6 mata dalam Penilaian Pengajaran bagi mana-mana semester dalam tahun yang dinilai.

3.3 ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN

i. Calon hendaklah memenuhi kriteria asas berikut:

a) Merupakan ahli akademik yang berkhidmat di UPNM kurang daripada lima tahun.

b) Berumur kurang daripada 40 tahun.

c) Memperoleh markah sekurang-kurangnya 85% dalam Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini (3 tahun berturut-turut).

d) Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja sepanjang perkhidmatan di UPNM.

ii. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:

a) Mencapai skor minimum 4.6 mata dalam Penilaian Pengajaran bagi mana-mana semester dalam tahun yang dinilai.

b) Menyediakan Fail Pengajaran yang lengkap.

c) Inovasi dan kreativiti dalam kaedah P&P serta penilaian.

d) Mempamerkan potensi dalam inovasi dan kreativiti penyelidikan, penyeliaan, penerbitan serta kepimpinan.

e) Memiliki sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan yang berdaftar dengan PPPI.

f) Memiliki sekurang-kurangnya dua indeks penerbitan dari SCOPUS.

g) Terlibat secara aktif dalam aktiviti pelajar dan aktiviti universiti.

h) Menjawat tugas diperingkat Jabatan/Fakulti/Pusat/Universiti/Komuniti/Kebangsaan.

3.4 ANUGERAH e-PEMBELAJARAN

i. Anugerah ini diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan kepada staf akademik yang telah menggunakan sistem e-Pembelajaran bagi menyokong aktiviti P&P.

ii. Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

a) Telah menggunakan secara aktif (teradun) sistem e-Pembelajaran yang telah disediakan oleh UPNM.

b) Mencapai status pembelajaran teradun di dalam Moodle bagi 2 semester berturut-turut dalam tahun yang dinilai.

c) Mengambil kira faktor penggunaan sistem dari segi kekerapan interaksi staf akademik dan pelajar dalam talian, kekerapan memuat naik bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran serta bilangan bahan P&P yang dimuat naik.

d) Staf akademik yang telah memenangi tiga kali anugerah tidak boleh dicalonkan.

3.5 ANUGERAH PENERBITAN MAKALAH JURNAL

i. Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal adalah satu pengiktirafan kepada staf akademik yang menghasilkan makalah jurnal dari segi kualiti dan kuantiti.

ii. Anugerah terbuka kepada dua bidang seperti berikut:

a) Kategori Sains dan Teknologi.

b) Kategori Sains Sosial.

iii. Pemilihan calon bagi Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:

a) Makalah jurnal mesti telah diterbitkan pada tahun yang dinilai.

b) Makalah jurnal mestilah beralamatkan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

c) Kualiti makalah jurnal yang diterbitkan dari segi berwasit/berindeks dalam ISI Thompson atau SCOPUS/mempunyai faktor impak.

d) Makalah jurnal mestilah karya asli penulis dan calon mestilah penulis utama atau penulis penghubung.

3.6 ANUGERAH PENERBITAN BUKU

i. Anugerah Penerbitan Buku adalah satu pengiktirafan kepada staf akademik UPNM yang telah menghasilkan buku akademik dalam bidang masing-masing.

ii. Anugerah terbuka kepada dua bidang iaitu
   a) Kategori Sains dan Teknologi.
   b) Kategori Sains Sosial.

iv. Buku perlu diterbitkan oleh:
   a) Penerbit UPNM
   b) Penerbit luar yang berwibawa, berprestij atau diiktiraf oleh Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

iii. Pemilihan calon bagi Anugerah Penerbitan Buku adalah berdasarkan kriteria seperti berikut:
   a) Calon telah menerbitkan buku pada tahun yang dinilai.
   b) Calon perlu menyenaraikan jumlah buku yang telah diterbitkan pada tahun yang dinilai.
   c) Buku ini perlulah memperlihatkan impak ilmiah yang memberi kesan positif kepada komuniti ilmu atau masyarakat pada amnya.
   d) Buku ini mestilah merupakan buku yang bersinambungan daripada bab ke bab dan integratif sifatnya. Ia bukanlah koleksi kertas kerja, himpunan esei, tesis/disertasi (melainkan telah distrukturkan ke bentuk buku) atau laporan penyelidikan/perundingan.
   e) Buku ini mestilah karya asli penulis.

3.7 ANUGERAH PENYELIDIKAN DAN INOVASI

i. Anugerah ini adalah satu pengiktirafan dan sanjungan kepada staf akademik UPNM yang melaksanakan penyelidikan dan inovasi.

ii. Calon merupakan penyelidik utama dan mempunyai geran penyelidikan yang berdaftar bawah Pusat Penyelidikan dan Inovasi, UPNM.

iii. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:

a) Bilangan geran yang diperolehi pada tahun yang dinilai

b) Nilaian keseluruhan geran yang diperolehi pada tahun yang dinilai sebagai Penyelidik Utama.

c) Jenis geran yang diperolehi daripada agensi kerajaan/swasta/dalam negara/luar negara.

d) Menghasilkan produk inovasi dalam bentuk paten/pendaftaran harta intelek/hakcipta untuk produk penyelidikan pada tahun yang dinilai.

e) Memenangi anugerah dalam pameran/ekspo penyelidikan/penerbitan terbaik/penyelidikan terbaik/tokoh penyelidik di peringkat universiti/dalam negara/luar negara pada tahun yang dinilai.

f) Bilangan penerbitan penyelidikan pada tahun yang dinilai.

3.8 ANUGERAH PENYELIAAN PASCAIJAZAH

Kriteria pencalonan adalah seperti berikut:

a) Calon merupakan penyelia utama

b) Pelajar bawah penyeliaan merupakan pelajar sepenuh masa.

c) Pelajar bergraduat mengikut tahun yang dinilai, *Graduate on Time (GoT)*.

d) Mempunyai rekod penyeliaan yang baik.

3.9 ANUGERAH PENYELIAAN PROJEK SARJANA MUDA

Kriteria pencalonan adalah seperti berikut:

a) Mempunyai penerbitan ilmiah atau menerima anugerah hasil daripada Projek Sarjana Muda.
b) Pelajar melengkapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
c) Mempunyai rekod penyeliaan yang baik.